

PEMBAYARAN SEMULA BAGI PRODUK-PRODUK PEMBIAYAAN ISLAMIK DI BAWAH PROGRAM BANTUAN BERSASAR CIMB (CTAP).

UNTUK INDIVIDU

2 Julai 2021

| No. | Soalan | Jawapan |
|-----|--|---|
| 1 | Saya menerima Surat Pemberitahuan dari bank berkenaan pembayaran semula, apakah yang harus saya lakukan? | Tiada tindakan yang diperlukan daripada anda. Kami ingin memberi anda notis 21 hari untuk makluman anda bahawa pihak bank akan membuat pembayaran semula ke akaun pembiayaan anda yang mengambil bahagian dalam Program Bantuan Bersasar CIMB kami. |
| 2 | Mengapa bank mengembalikan wang kepada saya? | Pembayaran semula adalah hasil penyemakan semula Terma-terma dan Syarat-syarat (T&C) di mana pengiraan keuntungan akan mengecualikan keuntungan tambahan yang dikenakan ke atas keuntungan terakru selama tempoh moratorium automatik 6 bulan dari Mac 2020 hingga September 2020 ("tempoh 6-bulan"). 1) Terma-terma & Syarat-syarat untuk Program Bantuan Bersasar CIMB Bagi Pembiayaan Perumahan dan Pembiayaan ASB. 2) Terma-terma & Syarat-syarat untuk Program Bantuan Bersasar CIMB untuk Pembiayaan Auto. |
| 3 | Siapakah yang layak menerima pembayaran semula ini? | Pembayaran semula akan dibuat untuk pelanggan yang mengikuti CTAP kami antara 1 Oktober 2020 hingga 30 Jun 2021. |
| 4 | Produk mana yang terlibat dalam pembayaran semula ini? | Pembayaran semula ini adalah untuk produk-produk Islamik berikut: <ul style="list-style-type: none">• Pembiayaan Perumahan (Memilih Pelepasan Pembayaran 3 Bulan / Pengurangan Pembayaran Bulanan);• Pembiayaan ASB (Memilih Pelepasan Pembayaran 3 Bulan / Pengurangan Pembayaran Bulanan);• Pembiayaan Auto (Memilih untuk Pengurangan Pembayaran Ansuran Bulanan). <p><i>Nota: Bagi yang memilih Pelepasan Pembayaran selama 3 bulan, pembayaran semula hanya akan berlaku apabila terdapat keuntungan tambahan yang dikenakan ke atas keuntungan terakru selama tempoh 6-bulan.</i></p> |

| | | |
|----|--|---|
| 5 | Bagaimana pembayaran semula dilakukan? | Pembayaran semula akan dikreditkan ke akaun pembiayaan anda. Ini akan mengurangkan baki prinsipal semasa dan mengurangkan keuntungan tambahan (jika ada) yang dicajkan ke atas akaun daripada keuntungan terakru selama 6 bulan tersebut. Ini akan mengurangkan keuntungan tambahan dan/atau kewajiban pembayaran pembiayaan berbanding dengan T&C sebelumnya seperti yang dinyatakan dalam Soalan 2. |
| 6 | Berapakah jumlah pembayaran semula yang akan saya terima dan bagaimana pengiraannya? | Jumlah pembayaran semula dikira berdasarkan jangkaan keuntungan yang akan dikenakan ke atas jumlah keuntungan yang terkumpul dalam tempoh 6 bulan, yang ditambahkan ke dalam akaun pembiayaan anda semasa anda mengikuti CTAP. Pembayaran semula ini dilakukan sekali sahaja dan pengiraan oleh pihak bank mengenai jumlah pembayaran semula adalah muktamad. |
| 7 | Bilakah saya akan menerima pembayaran semula? | Pembayaran semula akan dilakukan secara berperingkat sepertimana Surat Pemberitahuan yang dihantar kepada anda. |
| 8 | Di mana saya akan dapat melihat transaksi pembayaran semula? | Transaksi / jumlah pembayaran semula boleh dilihat dalam Penyata Akhir Tahun 2021 anda. |
| 9 | Bagaimana jika saya telah membayar sepenuhnya pembiayaan saya dan akaun pembiayaan saya ditutup sebelum pembayaran semula dilakukan? | Pembayaran semula akan dikreditkan ke Akaun Semasa/Simpanan CIMB yang aktif. Sekiranya anda tidak mempunyai Akaun Semasa/Simpanan dengan CIMB, kami akan menghubungi anda untuk mendapatkan maklumat terkini bagi tujuan pembayaran semula. |
| 10 | Adakah terdapat perubahan pada jumlah / tempoh ansuran bulanan saya disebabkan pembayaran semula ini? | Tiada. Jumlah ansuran bulanan dan tempoh pembiayaan anda tidak berubah dan surat itu harus dibaca bersama dengan T&C CTAP. |
| 11 | Bagaimana saya dapat mengetahui lebih lanjut mengenai pelaksanaan pembayaran semula ini? | Untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan pembayaran semula ini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami di talian 03 6204 7788. |